



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 25

7hb Disember 2006

TAMBAHAN No. 127
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 415.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (PEMERBADANAN) 2006

BAHAWASANYA subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen tersebut:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMITKAN menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Universiti Malaysia Kelantan (Pemerbadanan) 2006.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2006.

Pemerbadanan

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi

maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan reka bentuk kreatif, pengajian bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa asing lain seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

(2) Institusi pengajian tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran "Universiti Malaysia Kelantan".

(3) Tapak Universiti Malaysia Kelantan, tempat terletaknya Universiti itu, ialah di Institut Perguruan Kota Bharu, 16109 Pengkalau Chepa, Kelantan dan PT 1207, Jalan Bendahara, Seksyen 16/36, Taman Bendahara, 16100, Kota Bharu, Kelantan.

Dibuat 2 November 2006

[KPT(PUU) S.021/013/020/001; PN(PU²)75/V]

Dengan Titah Perintah

DAIJO' MUSTAJA BIN MOHAMED
Menteri Pengajian Tinggi

[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (INCORPORATION) ORDER 2006

WHEREAS subsection 6(1) of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30] provides that if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University should be established, he may by order establish the University in accordance with that subsection:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University should be established:

NOW THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by subsection 6(1) of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the Universiti Malaysia Kelantan (Incorporation) Order 2006.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 September 2006.

Incorporation

2. (1) There shall be established a higher educational institution having the status of a University, which shall be a body corporate, for the purpose of providing, promoting and developing higher education in the fields of small and medium-sized industries, entrepreneurship, banking, finance and Islamic-based business, biotechnology, agrobiotechnology, biochemical, bioinformatics, creative art and design, language studies such as Bahasa Melayu, English and other foreign languages such as Arabic, Japanese, French, Mandarin and etc., agriculture-based industries, natural resources and manufacturing industry, and other necessary fields of study, as well as to provide for research and the accumulation and advancement of knowledge and the dissemination of such knowledge in those fields of study.

(2) The higher educational institution in subsection (1) shall be known by the name and style of "Universiti Malaysia Kelantan".

(3) The site of the Universiti Malaysia Kelantan, which shall be the seat of the University, is located at Institut Perguruan Kota Bharu, 16109 Pengkalan Chepa, Kelantan and PT 1207, Jalan Bendahara, Seksyen 16/36, Taman Bendahara, 16100, Kota Bharu, Kelantan.

Made 2 November 2006

[KPT(PUU) S.021/013/020/001; PN(PU²)75/V]

By Command

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of Higher Education

[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]

P.U. (A) 416.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)
(No. 25) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa